SAMPEL PERCUMA

Skema Trial SPM 2023 Pendidikan Islam Perak + Soalan

Set penuh: Kertas Trial SPM

Pendidikan Islam (35+ set)

Sampel ini: 8 muka surat. Set penuh ada:

- Folder Google Drive · Pendidikan Islam 35+ set

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/kertas-percubaan-spm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

SULIT
1223/1

NAMA : .....

TINGKATAN : .....

PENDIDIKAN ISLAM
KERTAS 1
2 JAM 30 MINIT

MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)
NEGERI PERAK

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2023

TINGKATAN 5

PENDIDIKAN ISLAM

KERTAS 1

2 JAM 30 MINIT

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

ARAHAN :

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi* **lima** *soalan.*
2. *Jawab* ***semua*** *soalan.*
3. *Jawapan hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan.*
4. **Buku jawapan** *hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 5 halaman bercetak

SULIT
[LIHAT HALAMAN SEBELAH]

Jawab **semua** *soalan*

1 (a) Firman Allah SWT:

۞أَجَعَلْتُمْ سِقَايَةَ ٱلْحَآجِّ وَعِمَارَةَ ٱلْمَسْجِدِ ٱلْحَرَامِ كَمَنْ ءَامَنَ بِٱللَّهِ وَٱلْيَوْمِ ٱلْءَاخِرِ وَجَٰهَدَ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ ۚ لَا يَسْتَوُۥنَ عِندَ ٱللَّهِ ۗ وَٱللَّهُ لَا يَهْدِى ٱلْقَوْمَ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿١٩﴾ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَهَاجَرُوا۟ وَجَٰهَدُوا۟ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ بِأَمْوَٰلِهِمْ وَأَنفُسِهِمْ أَعْظَمُ دَرَجَةً عِندَ ٱللَّهِ ۚ وَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْفَآئِزُونَ ﴿٢٠﴾

(Surah al-Taubah : 19-20)

Ayat di atas menerangkan tuntutan pelaksanaan Fiqh al-Aulawwiyat dalam kehidupan.
Berdasarkan ayat di atas,

(i) Apakah maksud Fiqh al-Aulawiyyat**?** (2 *markah*)

(ii) Jelaskan **dua** contoh aplikasi Fiqh al-Aulawiyyat dalam bidang amalan.
(4 *markah*)



(iii) Berdasarkan gambar di atas, mengapakah bidang pengajian tersebut penting kepada umat Islam? (4 *markah*)

(b) Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ عَنِ النَّبِيِّ قَالَ: لَأَنْ يَحْتَطِبَ أَحَدُكُمْ حُزمَةً عَلَى ظَهْرِهِ خَيْرٌ لَّهُ مِنْ أَنْ يَسْأَلَ أَحَدًا فَيُعْطِيَهُ أَوْ يَمنَعَهُ.

(رواية البخاري)

Hadis di atas menjelaskan tentang kemuliaan berdikari.
Berdasarkan hadis di atas,

(i) Apakah maksud berdikari? (2 *markah*)

(ii) Jelaskan **dua** kelebihan berdikari. (2 *markah*)

BERDIKARI
UNTUK KEBAIKAN DIRI SENDIRI, AGAMA, MASYARAKAT DAN NEGARA.

(iii) Berdasarkan pernyataan di atas, huraikan bagaimana anda membudayakan amalan di atas dalam kehidupan seharian. (4 *markah*)

(c) Nyatakan **dua** jenis Ibtida'. (2 *markah*)

2 (a) Umat Islam hendaklah berusaha mengelakkan diri daripada terlibat dengan ajaran sesat.

(i) Jelaskan takrif ajaran sesat. (2 *markah*)

(ii) Jelaskan **dua** ciri ajaran sesat. (2 *markah*)

(iii) Terangkan kesan kepada seseorang yang terlibat dengan ajaran sesat dari aspek ekonomi. (2 *markah*)

Ajaran sesat merupakan ancaman kepada masyarakat Islam di negara kita.

(iv) Kemukakan hujah anda bagi menyokong penyataan di atas. (4 *markah*)

PERATURAN PERMAKAHAN

<table>
<tr><th colspan="3">No. Soalan</th><th>Jawapan</th><th>Markah</th></tr>
<tr><td>1</td><td>(a)</td><td>(i)</td><td>Maksud fiqh aulawiyyat ialah :
Mengutamakan perkara yang sepatutnya didahulukan/ berdasarkan prinsip syarak.</td><td>1 x 2m = 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Dua contoh aplikasi Fiqh al-Aulawiyyat dalam bidang amalan:
- Mengutamakan bersedekah berbanding dengan gotong royong.
- Mengutamakan program berbentuk kebajikan masyarakat berbanding dengan memperbanyak amalan sunat untuk peribadi.</td><td>2 x 2m = 4m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>Berdasarkan gambar di atas, mengapakah bidang pengajian tersebut penting kepada umat Islam?</td><td>4 markah</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td></td><td>Rubrik penskoran
<table><tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr><tr><td>Menyatakan isi sahaja</td><td>1m</td></tr><tr><td>Menjelaskan isi beserta huraian ringkas</td><td>2m</td></tr><tr><td>Menghuraikan isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi</td><td>3m</td></tr><tr><td>Merumus isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi.
Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td><td>4m</td></tr></table>
Cadangan isi:
- Dapat membezakan makanan halal dan haram
- Memudahkan urusan keperluan seharian masyarakat
- Mengutamakan mempelajari bidang ilmu makanan halal
- Memenuhi keperluan tenaga kerja industri halal</td><td></td></tr>
<tr><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td></tr>
</table>

<table>
<tr><th colspan="3">No. Soalan</th><th>Jawapan</th><th>Markah</th></tr>
<tr><td></td><td>(b)</td><td>(i)</td><td>Maksud berdikari ialah:
Berusaha sendiri / dan tidak bergantung pada bantuan orang lain.</td><td>1 x 2m = 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Dua kelebihan berdikari ialah:
- Menjadikan agama Islam dipandang tinggi.
- Mendapat sumber pendapatan yang diyakini halal.
- Melahirkan modal insan yang berkepakaran tinggi.
- Memperkasakan daya saing masyarakat.</td><td>2 x 1m = 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>Berdasarkan pernyataan di atas, huraikan bagaimana anda membudayakan amalan di atas dalam kehidupan seharian.</td><td>4 markah</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td></td><td>Rubrik penskoran
<table><tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr><tr><td>Menyatakan isi sahaja</td><td>1m</td></tr><tr><td>Menjelaskan isi berserta huraian ringkas</td><td>2m</td></tr><tr><td>Menghuraikan isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi</td><td>3m</td></tr><tr><td>Merumus isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi.
Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td><td>4m</td></tr></table>
Cadangan isi:
- Berusaha bersungguh-sungguh untuk menyara kehidupan.
- Membebaskan diri daripada bergantung pada pihak lain.
- Menyakini kemampuan diri.
- Berazam dengan hemah yang tinggi.</td><td></td></tr>
<tr><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td></tr>
<tr><td></td><td>(c)</td><td></td><td>Dua jenis ibtida’ ialah:
1) Ibtida’ Hasan
2) Ibtida’ Qabih</td><td>2 x 1m = 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td></tr>
</table>

No. Soalan			Jawapan	Markah
2	(a)	(i)	Takrif ajaran sesat: Ajaran yang didakwa sebagai ajaran Islam / sedangkan hakikatnya bercanggah dengan al-Quran dan al-Sunnah.	1 x 2m = 2m
		(ii)	**Dua** ciri ajaran sesat: - Memahami dan mentafsir al-Quran dengan logik akal semata-mata. - Meyakini bahawa terdapat al-Quran lain yang tersembunyi. - Hanya berpegang dengan al-Quran dan menolak hadis. - Mengaku menjadi nabi atau rasul. - Mendakwa diri atau gurunya sebagai Imam Mahdi. - Mendakwa gurunya dapat menebus dosa. - Memuja makhluk untuk mendapat sesuatu kelebihan - Mempercayai semua agama benar dan menuju ke syurga. - Menolak alam ghaib seperti ruh, malaikat dan jin - Menolak kewajipan ibadat fardu - Beribadat dengan hanya berzikir bagi menggantikan solat - Menunaikan ibadat haji di tempat yang dianggap suci selain Makkah al-Mukarramah - Menghalalkan perzinaan atas nama nikah - Mengejek, merendah-rendahkan dan mempersendakan sahabat Nabi SAW - Bersikap taksub dengan ajaran guru sehingga menganggap hanya kumpulannya yang benar - Memperkecil amalan masyarakat berdasarkan sunnah Rasulullah SAW	2 x 1m = 2m
		(iii)	Kesan kepada seseorang yang terlibat dengan ajaran sesat dari aspek ekonomi : - Melahirkan individu yang pasif dan malas (1m) kerana berfikiran jumud dan tertutup. (1m) - Membelanjakan wang pada perkara yang tidak berfaedah (1m) kerana menghabiskan duit pada upacara dan amalan yang bertentangan dengan Islam (1m)	1 x 2m = 2m Isi : 1m Huraian : 1m

	(b)	(i)	Maksud solat sunat istikharah : Solat yang dilakukan untuk mendapat petunjuk Allah SWT dalam menentukan pilihan dalam sesuatu perkara	1 x 2m = 2m
		(ii)	**Dua** hikmah solat sunat Istikharah ialah : - Meningkatkan keimanan kepada Allah SWT (1m) kerana menjadikan Allah SWT sebagai tempat pergantungan (1m) - Mendidik umat islam agar sentiasa memohon sesuatu kepada Allah terutama dalam membuat keputusan(1m) supaya hidup lebih diberkati Allah SWT.(1m) - Menjauhkan diri daripada perbuatan syirik dengan memohon bantuan selain Allah SWT (1m) kerana mentaati perintahNya. (1m) **Catatan :** Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima.	2 x 2m = 4m
	(c)	(i)	Maksud talak : Pembubaran perkahwinan oleh suami dengan lafaz talak yang jelas atau kiasan.	1 x 2m = 2m
		(ii)	Contoh lafaz talak : - Jelas (1m) : “ Aku ceraikan engkau” (1m) - Kiasan (1m) : “Pulanglah ke rumah ibumu” (1m)	1x2m = 2m
		(iii)	Hukum bagi situasi berikut:	
			- Wajib - Makruh	2 x 1m = 2m

No. Soalan			Jawapan	Markah
4	(a)	(i)	**Dua** orang khalifah kerajaan Umaiyah yang terkenal : - Muawiyah bin Abi Sufian - Abdul Malik bin Marwan - Al-Walid bin Abdul Malik - Umar bin Abdul Aziz	2 x 1m = 2m
		(ii)	**Dua** faktor kemerosotan kerajaan Umaiyah dari aspek politik : - Sistem lantikan khalifah secara monarki menimbulkan perebutan kuasa dalam kalangan keluarga. - Pemberontakan oleh puak Syiah, Khawarij serta golongan yang tidak berpuas hati dengan penubuhan kerajaan Umaiyah.	2 x 2m = 4m
		(iii)	**Dua** iktibar yang diperoleh daripada pemerintahan kerajaan Umaiyah : - Kita hendaklah memartabatkan ajaran al-Quran dan al-Sunnah dalam urusan kepimpinan (1m) agar syariat Islam dapat ditegakkan (1m) - Kita hendaklah mencontohi sifat – sifat mulia yang ada pada khalifah Islam (1m) seperti zuhud, tegas,berilmu dan bijaksana.(1m) - Kita hendaklah menjaga hubungan baik antara pemimpin dengan rakyat (1m) agar hidup harmoni.(1m) - Kita hendaklah menjaga kebajikan sesama rakan (1m) agar mengeratkan kasih sayang (1m) - Kita hendaklah memiliki semangat jihad yang tinggi (1m) dalam mempertahankan kedaulatan negara (1m) - Kita hendaklah berusaha mempertingkatan ilmu pengetahuan (1m) agar dapat memberi sumbangan kepada umat Islam(1m)	2 x 2m = 4m
	(b)	(i)	Riwayat hidup Ahmad bin Ibrahim : - Nama penuh : Ahmad bin Muhamad Ibrahim - Gelaran : Profesor Emeritus Tan Sri Doktor	2 x 1m = 2m

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Kertas Trial SPM

Pendidikan Islam (35+ set)

Sampel ini: 8 muka surat. Set penuh ada:

- Folder Google Drive · Pendidikan Islam 35+ set

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/kertas-percubaan-spm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar